

Tengkujuh bertandang

# 31 sekolah tangguh sesi

>>Oleh Sufian Thauri  
Muhammed

sufianthauri@hmetro.com.my

**K**UALA TERENGGANU: Sebanyak 31 sekolah di empat daerah Terengganu tidak dapat memulakan sesi persekolahan 2013 yang bermula semalam, berikutan banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia Negeri, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, daripada jumlah berkenaan, 23 daripadanya adalah sekolah rendah manakala lapan sekolah menengah dengan kira-kira 12,000 pelajar di daerah Hulu Terengganu, Besut, Setiu dan Kemaman.

"Sekolah berkenaan ditutup kerana sama ada dinaiki air, menjadi pusat pemindahan sementara, masih dalam proses pembersihan selepas dijadikan pusat pemindahan



**PULANG...pelajar Sekolah Menengah Agama Mahmudiah, Kuala Berang meninggalkan sekolah selepas diarahkan pulang akibat banjir.**

FOTO | Aswadi Alias

dan terputus hubungan.

"Sehingga ini kami tidak tahu bila sekolah berkenaan akan dibuka kerana bergantung pada keadaan banjir.

"Kami harap banjir gelombang kedua ini cepat surut," katanya ketika ditemui membuat tinjauan sempena sesi persekolahan baru 2013 di Sekolah Kebangsaan (SK) Tok Jembal, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Ahmad Razif berkata, sekolah terbabit perlu membuat penggantian hari persekolahan dengan mengadakan kelas pada Sabtu ditetapkan kemudian.

Katanya, 13 sekolah di Hulu Terengganu ditutup manakala di Besut (12), Kemaman (3) dan Setiu (3).

HM e-Paper



Untuk lebih gambar dan video sila layari  
[subscription.nstp.com.my](http://subscription.nstp.com.my)